

Fasa akhir gubal Dasar Teknologi Nuklear

Bangi: Penggubalan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) kini berada dalam fasa terakhir untuk mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Katanya, dasar itu bertujuan memperkasakan ekosistem teknologi nuklear di negara ini dalam usaha memacu Malaysia menjadi negara berteknologi tinggi pada masa hadapan.

Beliau menjelaskan, DTNN akan menjadi pemangkin perkembangan kemajuan dan pem-

angunan teknologi nuklear di negara ini kerana ia boleh diukur sebagai teknologi hijau apabila digunakan secara selamat.

"Apabila DTNN digubal, saya yakin masyarakat boleh melihat bagaimana persepsi bahawa teknologi nuklear itu selamat dan boleh diguna untuk membangunkan teknologi.

"Contoh terkini, dengan penggunaan teknologi nuklear, kita berjaya membangunkan baka benih padi IS22. Perdana menteri arahkan MOSTI membangunkan prototaip benih padi ini meng-

gunakan sinaran gamma lanjutan daripada benih padi IS21 yang lalu," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Agensi Nuklear Malaysia yang turut dihadiri Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun, di sini semalam

Pembangunan benih padi IS22

Dr Adham berkata, pembangunan benih padi IS22 sudah berada pada peringkat pembentangan kepada Jawatankuasa Bantuan

Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKKIPB) dan ia boleh cuba ditanam di tempat yang ditetapkan.

"Benih padi IS22 mempunyai keupayaan lebih baik, matang lebih awal, mengeluarkan hasil yang tinggi, boleh hidup dalam keadaan tanah kurang subur serta tahan kemarau serta banjir kilat.

"Secara tidak langsung, dengan keupayaan benih padi IS22 yang dibangunkan Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama kementerian dan jabatan terba-

bit, ia boleh membantu dalam sekuriti makanan," katanya.

Katanya, sebaik IS22 dijadikan benih padi sah, ia boleh ditanam di semua kawasan Jelapang Padi di Malaysia dan pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) supaya dapat memperluaskan tapak penanaman padi negara.

"Kita ada 12 kawasan 'Jelapang Padi' negara dan saya berharap apabila IS22 menjadi benih padi sah, ia boleh ditanam di semua kawasan itu," katanya.